

## PERATURAN PERTANDINGAN ORIENTEERING

### 1. AM

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Orienteering Penjara Malaysia

### 2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Penjara Malaysia dan dikelolakan oleh \_\_\_\_\_

### 3. PENDAFTARAN

3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai/anggota/kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan Penjara Malaysia

3.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai empat (4) orang peserta iaitu dua (2) lelaki dan dua (2) wanita. Pendaftaran hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang** yang telah disediakan.

3.3 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Jika menang, ianya akan dianggap tidak sah dan kemenangan akan diberikan kepada pasukan lain.

### 4. OBJEKTIF

4.1 Memberi pendedahan acara sukan orienteering kepada semua peserta kejohanan yang belum mengenali acara ini.

4.2 Memperkenalkan sukan yang memberikan cabaran, keseronokan dan kepuasan.

4.3 Membina keyakinan dan kepercayaan diri peserta yang menyertai sukan ini di samping meningkatkan kecergasan mental dan daya tumpuan.

4.4 Meningkatkan kemahiran membaca peta dan penggunaan kompas.

4.5 Memupuk sifat keberanian dan ketenangan di dalam keadaan cemas.

### 5. KLINIK ORIENTEERING

5.1 Satu klinik orienteering (pengenalan dan penerangan) akan diadakan bagi semua peserta yang akan bertanding. Semua peserta adalah **wajib** menghadiri klinik ini.

5.2 Taklimat klinik akan disampaikan oleh jurulatih dari Persatuan Orienteering Malaysia (MOA) pada \_\_\_\_\_ jam \_\_\_\_\_ bertempat di \_\_\_\_\_.

5.3 Beliau akan menerangkan teknik-teknik sebenar dan penerangan lanjut acara orienteering ini agar para peserta semua tidak menghadapi sebarang masalah semasa acara dijalankan. Ini termasuklah undang-undang dan peraturan am sukan orienteering.

### 6. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

Pertandingan akan dijalankan pada \_\_\_\_\_ bermula pada jam \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_ di \_\_\_\_\_.

### 7. PAKAIAN

Pakaian yang disyorkan adalah seluar trek, t-shirt berlengan pendek/panjang dan kasut sukan yang bersesuaian.

### 8. FORMAT PERTANDINGAN

1.1 Acara orienteering ini adalah satu acara sukan pertunjukan dan kemenangan yang diperolehi tidak akan diambil kira dalam jumlah kutipan mata untuk setiap Jabatan/Agensi.

1.2 Setiap pasangan dari setiap Agensi adalah bertanggungjawab terhadap kemenangan masing-masing. Jangkamasa menamatkan kesemua pencarian titik kawalan untuk kedua-dua pasangan akan diambil kira dalam menentukan kemenangan pasukan masing-masing.

- 1.3 Pelepasan peserta adalah secara berpasangan mengikut masa mula masing-masing yang akan diberikan sebelum acara dimulakan. Pasangan akan dilepaskan pada setiap dua (2) minit dari pasangan sebelumnya.
- 1.4 Mengikut acara orienteering merentas desa, pasangan perlu menghabiskan pencarian titik kawalan tersebut mengikut susunan yang dikehendaki, sebelum pulang ke titik penamat dengan memastikan kad kawalan telah ditandai sepenuhnya.
- 1.5 Jika kad kawalan tidak ditandai sepenuhnya, peserta boleh dianggap "disqualified". Pasangan yang menamatkan pencarian titik kawalan sahaja yang akan diambilkira untuk kemenangan pasukan.
- 1.6 Tempoh masa pertandingan ini adalah tidak dihadkan tetapi bagi menjaga pertandingan ini dapat dijalankan dengan jayanya, maka masa maksimum adalah ditetapkan selama tiga (3) jam bagi setiap pasangan adalah lebih dari mencukupi. Pasangan hendaklah pulang ke tempat Permulaan/Penamat jika sudah melebihi tiga (3) jam agar tidak mengganggu acara-acara lain pula.
- 1.7 Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan masa yang dibuat oleh kedua-dua pasangan dalam setiap pasukan dalam menamatkan pertandingan tanpa ada sebarang kesalahan pada kad kawalannya.
- 1.8 Pemberian hadiah untuk acara ini adalah untuk tempat pertama hingga ketiga sahaja.

## 9. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

- 7.1 Mana-mana yang tidak diperuntukan adalah bidang kuasa Jawatankuasa Pertandingan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pengelola.
- 7.2 Jawatankuasa Pertandingan berhak untuk membuat sebarang pindaan pada peraturan pertandingan ini pada bila-bila masa diperlukan. Jawatankuasa berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak mengikut garis panduan yang diberikan. Keputusan Pengadil adalah **MUKTAMAD**.

## 10. BANTAHAN

Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada **Jawatankuasa Bantahan** yang dilantik oleh pihak penganjur kejohanan ini.